

# 40 pelajar UMS lawat New Sabah Times

NST 23/05/2012 A

Sabah's first Established Paper



UNTUK ALBUM...rombongan pelawat dari UMS seramai 40 orang mengabadikan kenangan di hadapan bangunan New Sabah Times kelmarin. Turut kelihatan, waki NST Eddie Angat.

KOTA KINABALU: Akhbar New Sabah Times menerima kunjungan Lawatan Sambil Belajar seramai 40 pelajar jurusan Pembangunan Awam dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke bangunan akhbar itu, di sini, kelmarin.

Tujuan lawatan berkenaan untuk mempelajari cara pengendalian pencetakan surat khabar dan peranan wartawan dalam proses penyediaan surat khabar.

Selain itu, pengalaman dalam program lawatan itu juga pastinya akan diaplikasikan dalam pembelajaran mereka nanti.

Program lawatan yang diadakan lebih kurang sejam itu diisi dengan penerangan berupa pengenalan pelbagai bahagian yang terdapat di ruangan akhbar berkenaan termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Kadazan Dusun.

Selain diberi penerangan mengenai konsep dan bidang-bidang kewartawan seperti berita-berita am, bahagian jenayah, mahkamah, sukan dan hiburan, para peserta lawatan berkenaan turut diberi peluang berkomunikasi dengan para wartawan sendiri melalui sesi soal jawab.

Beberapa wartawan dan Sub-Editor lama serta baru turut membantu para siswa-siswi berkenaan mempelajari sedikit sebanyak selok-belok mengenai bidang sidang pengarang yang merupakan nadi utama penghasilan sesebuah akhbar berkenaan. -  
**OLEH JOANES ROBERT JOHNNY** (joanes@newsbaitimes.com.my)